



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Pemantauan dan Penilaian Prestasi Perunding**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PK3.9 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI PERUNDING .....</b>	<b>2</b>
<b>1. Pemantauan &amp; Penilaian Prestasi Perunding.....</b>	<b>2</b>
<b>2. Tarikh Kuat Kuasa.....</b>	<b>4</b>

**PK3.9 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI PERUNDING****1. Pemantauan & Penilaian Prestasi Perunding**

- 1.1. Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan penilaian prestasi perunding dibuat pada setiap peringkat perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh perunding. Maklumat prestasi perunding yang telah dinilai oleh Agensi hendaklah direkodkan ke dalam Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS). Borang penilaian prestasi adalah seperti di **Lampiran 1**. Prestasi perunding tersebut hendaklah dicetak melalui skrin "Papar Perolehan Perunding" bagi rekod perolehan yang telah dikunci masuk dan disahkan bersama permohonan tuntutan bayaran bagi setiap kemajuan kerja untuk dikemukakan kepada pegawai kewangan Agensi masing-masing sebagai dokumen wajib bagi membolehkan bayaran kemajuan dibuat.
- 1.2. Penilaian prestasi perunding hendaklah dibuat secara adil dan saksama tanpa melibatkan sebarang unsur peribadi (*personel grudges*), berat sebelah, prejudis dan sebagainya.
- 1.3. Kriteria penilaian prestasi yang ditetapkan dan juga perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut :

**1.3.1. Jadual Pelaksanaan**

- (a) Penyampaian perkhidmatan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- (b) Skala Pemarkahan
  - 3 - Mendahului tempoh yang ditetapkan
  - 2 - Menepati tempoh yang ditetapkan
  - 1 - Lewat tetapi tidak menjejaskan penyampaian projek
  - 0 - Lewat dan menjejaskan penyampaian projek

**1.3.2. Skop Perkhidmatan**

- (a) Hasil kerja yang menepati TOR
- (b) Skala Pemarkahan
  - 3 - Menepati TOR dan tiada pindaan
  - 2 - Menepati TOR dengan pindaan minimum
  - 1 - Menepati TOR dengan pindaan yang berulangkali
  - 0 - Tidak menepati TOR

**1.3.3. Pengurusan Sumber**

- (a) Kecekapan perunding mengurus sumber-sumber berikut:
  - (i) Sumber manusia - Kakitangan yang mencukupi, pertukaran ahli pasukan yang minimum dengan kebenaran Agensi
  - (ii) Kewangan – Perbelanjaan berhemah
  - (iii) Peralatan dan perisian yang *reliable*

- (b) Skala Pemarkahan

- 3 – Sangat baik
- 2 – Baik
- 1 – Sederhana
- 0 – Lemah

**1.3.4. Keupayaan Teknikal**

- (a) Kakitangan yang kompeten.
- (b) Skala Pemarkahan
  - 3 – Sangat Baik  
(Berupaya memberi khidmat nasihat profesional kepada Agensi)
  - 2 – Baik  
(Berupaya melaksanakan kerja selaras kehendak Agensi)
  - 1 – Sederhana  
(Berupaya melaksanakan kerja dengan teguran)
  - 0 – Lemah  
(Tidak berpengalaman dan tidak terlatih)

**1.3.5. Kualiti Kerja**

- (a) Menepati kualiti kerja yang ditetapkan.
- (b) Skala Pemarkahan
  - 3 – Sangat baik
  - 2 – Baik
  - 1 – Sederhana
  - 0 – Lemah

**1.3.6. Kerjasama**

- (a) Kehadiran wakil firma dalam mesyuarat yang diadakan.
- (b) Kehadiran prinsipal syarikat dalam mesyuarat (sekiranya kehadiran prinsipal diwajibkan).
- (c) Kerjasama dengan perunding lain yang dilantik oleh Agensi bagi projek/kajian berkenaan
- (d) Memberi kerjasama kepada pegawai Agensi yang dipertanggungjawabkan bagi projek/kajian berkenaan
- (e) Skala Pemarkahan
  - 3 – Sangat baik
  - 2 – Baik
  - 1 – Sederhana
  - 0 – Lemah

**1.3.7. Mematuhi Peruntukan Diluluskan**

- (a) Melaksanakan skop perkhidmatan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan selaras dengan kehendak Agensi (Rekabentuk berdasarkan kos).
- (b) Skala Pemarkahan
  - 3 – Sangat baik
  - 2 – Baik
  - 1 – Sederhana
  - 0 – Lemah

**1.3.8. Pengawasan/Penyeliaan Tapak (Projek Pembangunan Fizikal Sahaja)**

- (a) Memantau kakitangan tapak untuk memastikan pelaksanaan projek menepati masa, kos dan kualiti yang ditetapkan.
  - (b) Skala Pemarkahan
    - 3 – Sangat baik
    - 2 – Baik
    - 1 – Sederhana
    - 0 – Lemah
- 1.4. Perunding yang melakukan kesalahan antaranya melanggar mana-mana syarat/obligasi perjanjian perunding, Agensi hendaklah terlebih dahulu mengambil tindakan ke atas perunding berkenaan mengikut terma dan syarat yang diperuntukkan di dalam perjanjian (seperti menamatkan perkhidmatan perunding) sebelum sebarang laporan aduan dikemukakan ke Kementerian Kewangan untuk tindakan susulan.
- 1.5. Laporan aduan yang hendak dikemukakan ke Kementerian Kewangan ini hendaklah mematuhi format yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan iaitu menggunakan Borang KKM-BA (2010) di mana borang tersebut boleh didapati di dalam **PK 8**.
- 1.6. Borang Aduan yang telah lengkap diisi ini juga hendaklah disalinkan kepada badan kawal selia profesional yang berkaitan untuk makluman.
- 1.7. Bagi perunding pembangunan fizikal, sekiranya berlaku kegagalan selepas projek siap, Agensi hendaklah mengeluarkan arahan secara bertulis kepada perunding yang terlibat untuk menyediakan Laporan Tunjuk Sebab mengenai punca kegagalan dan kaedah mengatasinya kepada Kerajaan dengan segera selaras dengan syarat perjanjian perkhidmatan perunding. Agensi hendaklah meneliti laporan yang disediakan oleh perunding tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya. Sekiranya daripada laporan tersebut didapati berlakunya sebarang kecuaiian di pihak perunding, Agensi hendaklah melaporkan perkara tersebut ke Kementerian Kewangan menggunakan borang aduan iaitu **Borang KKM-BA (2010)** dan disalinkan kepada badan kawal selia profesional yang berkaitan.

**2. Tarikh Kuat Kuasa**

Peraturan ini berkuat kuasa mulai 3 Julai 2014.

Pindaan: 1 April 2021

## LAMPIRAN 1

## BORANG LAPORAN PENILAIAN PRESTASI PERUNDING

<b>MAKLUMAT PERUNDING</b>				
Nama :				
Alamat :				
No. Telefon :				
No. Fax :				
Bidang/ Kategori Perunding :				
(cth: Arkitek/C&S/M&E/QS/ lain-lain)				
<b>MAKLUMAT PROJEK/KAJIAN</b>				
Projek/Kajian :				
Lokasi :				
Skop Perkhidmatan :				
Agensi Pelaksana :				
No. Tel Pegawai Agensi :				
No. Faks :				
Tarikh Penilaian :		Peringkat Kerja :		
TarikhSiap Projek/Kajian :		Kemajuan Kerja : % (progress)		
<b>MAKLUMAT PENILAIAN PRESTASI PERUNDING</b>				
<b>Markah Keseluruhan (%)</b>	<b>Gred Keseluruhan</b>	<b>Ulasan</b>		
91 - 100	Sangat Baik	Perunding Pilihan		
76 - 90	Baik	Secara Umum Perunding Boleh Diterima		
61 - 75	Sederhana	Perunding Boleh Diterima Dengan Syarat		
0 - 60	Lemah	Perunding yang Tidak Disyorkan		
<b>Kriteria**</b>	<b>Markah Prestasi</b>			
	Skala Prestasi = Lemah- 0, Sederhana - 1, Baik - 2, Sangat Baik - 3			
	<b>Lemah</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Baik</b>	<b>Sangat Baik</b>
1) Mematuhi Jadual Pelaksanaan				
2) Mematuhi Skop Perkhidmatan				
3) Pengurusan Sumber				
4) Keupayaan Teknikal				
5) Kualiti Kerja				
6) Kerjasama				
7) Mematuhi Peruntukan Diluluskan				
8) Pengawasan/Penyeliaan (jika berkaitan)				
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				
<b>PENILAIAN PRESTASI KESELURUHAN</b>	<b>Jumlah Keseluruhan / Markah Penuh* X 100</b>			
*Markah Penuh kriteria 1 hingga 7 = 21; atau				
*Markah Penuh kriteria 1 hingga 8 = 24				
**Sila rujuk PK3.9 untuk perincian kriteria				
<b>DISYORKAN UNTUK PROJEK/KAJIAN AKAN DATANG : YA/TIDAK</b>				
<b>ULASAN :</b>				
(sila nyatakan)				
<b>Disediakan Oleh:</b>		<b>Disahkan dan Disyorkan Oleh:</b>		
Tandatangan :		Tandatangan :		
Nama & Jawatan :		Nama & Jawatan :		
Tarikh :		Tarikh :		